

# ASNБ umum pengagihan pendapatan berjumlah RM1.55 bilion

**KUALA LUMPUR** - Amanah Saham Nasional Berhad (ASNБ), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), pada Isnin mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dua dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM), serta tiga dana harga berubah iaitu ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2021.

Menurut kenyataan ASNБ, ASB 2 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM488.2 juta yang memanfaatkan 459,416 pemegang unit dan ASM mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM851.2 juta yang memanfaatkan 559,222 pemegang unit.

"Pulangan sebanyak 4.25 sen seunit bagi ASB 2 dan 4.00 sen seunit bagi ASM ini melebihi pulangan penanda aras pada 1.95% yang direkodkan oleh Deposit Tetap 12-bulan Maybank bagi tempoh yang sama.

"ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 masing-masing mencatatkan pulangan dua digit sebanyak 18.7%, 17.0% dan 10.8%, dengan ASN Equity 3 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM76.4 juta, pada kadar 3.53 sen seunit dan memberikan hasil dividen sebanyak 3.95%," kata kenyataan itu pada Isnin.

Dalam pada itu, ASN Imbang 2 pula mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah sebanyak RM45.4 juta, pada kadar 3.11 sen seunit dan memberikan hasil dividen sebanyak 3.35%, manakala ASN Sara 1 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah sebanyak RM91.8 juta, iaitu pulangan sebanyak 3.52 sen seunit dan memberikan hasil dividen sebanyak 3.15%.

"Urus niaga bagi kelima-lima dana tersebut di semua cawangan dan ejen ASNБ seluruh negara telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 24 hingga 31 Mac 2021 bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan.

"Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka di portal myASNБ di [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my) atau melalui aplikasi mudah alih myASNБ, atau di mana-mana cawangan ASNБ atau ejen ASNБ di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 April 2021," jelas kenyataan itu lagi.

**PNB**

## PENGAGIHAN PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAG 2021

### AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2



Pengagihan Pendapatan

**4.25** sen seunit

Jumlah Pengagihan

**RM 488.2** juta

### Pengagihan Pendapatan berbanding Penanda Aras

